

Kesediaan dan Motivasi Pelajar Kolej Komuniti Negeri Perak untuk Menghadapi Norma Baharu Sewaktu Pandemi Coronavirus Disease (COVID-19): Pembelajaran Secara atas Talian

Rosmilawati Ab Rahman
Kolej Komuniti Bagan Datuk
rosmilawati@kkbgd.edu.my

Raja Ahmad Syawal Raja Musa
Kolej Komuniti Bagan Datuk
syawal@kkbgd.edu.my

Mohd Sahril Mohd Fouzi
Kolej Komuniti Bagan Datuk
mohd.sahril@kkbgd.edu.my

Abstract

This study aims to evaluate the level of readiness and motivation among community college students in implementing online classes based on their programs during Covid-19 pandemic situation. A total of 192 students from semester 1, 2, and 3 from community colleges in Perak state were involved as the research sample. The research design employed in this study is a survey method Quantitative research design is employed in this study through survey method. The data is collected using questionnaire that has been distributed via Google Form application. The researchers adapted and modified the questionnaire to measure students' readiness. Meanwhile, students' motivation is measured through a set of self-built questionnaire which has been verified by the experts. with the questionnaire that was reevaluated by expert. The data is analyzed using IBM Statistical Package for Science Social (SPSS) version 22 software. The descriptive analysis shows the level of students' readiness and motivation to take part in online classes is at moderate level. The result of one-way ANOVA analysis displays a significant difference between the students' readiness and motivation to engage in online classes based on their respective programs. Meanwhile, the correlation analysis illustrates that there is a positive and strong relationship between students' readiness and motivation to get involved in online learning.

Keywords: students' readiness, students' motivation, e-learning

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesediaan dan motivasi pelajar kolej komuniti mengikuti pembelajaran secara atas talian berdasarkan program pengajian sewaktu Pandemi Covid19. Seramai 192 orang pelajar semester satu, dua dan tiga kolej komuniti di negeri Perak terlibat sebagai sampel kajian. Rekabentuk kajian ialah kajian tinjauan. Data dikumpulkan dengan menggunakan soal selidik yang diedarkan kepada responden melalui aplikasi *Google Form*. Pengukuran kesediaan pelajar menggunakan soal selidik oleh (Osman & Hamzah, 2016) yang telah diubahsuai oleh pengkaji. Manakala pengukuran motivasi pelajar pula diukur melalui soal selidik yang dibina oleh pengkaji seterusnya dinilai terlebih dahulu dari segi kesahan pakar sebelum diedarkan kepada responden. Data dianalisis menggunakan perisian *IBM Statistical Package for Science Social (SPSS)* versi 22. Analisis deskriptif menunjukkan tahap kesediaan dan motivasi pelajar mengikuti pembelajaran secara atas talian berdasarkan program secara keseluruhannya adalah pada tahap sederhana. Hasil ujian Anova sehalu pula menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan

kesediaan dan motivasi pelajar mengikuti pembelajaran secara atas talian berdasarkan program. Manakala analisis korelasi pula menunjukkan terdapat hubungan yang positif dan kuat antara kesediaan pelajar dengan motivasi pelajar mengikuti pembelajaran secara atas talian.

Kata Kunci: kesediaan pelajar, motivasi pelajar, e-pembelajaran

1.0 Pendahuluan

1.1 Latar belakang kajian

Pengajaran dan pembelajaran (PdP) merupakan proses penyampaian sesuatu ilmu atau pengetahuan secara formal atau tidak formal selari dengan peredaran masa dan juga pembangunan budaya sesuatu bangsa serta melambangkan ketamadunan sesebuah masyarakat itu. Seiring dengan perubahan masa, kaedah serta kemajuan sistem pendidikan juga berubah dalam memenuhi kehendak masyarakat. Penggunaan teknologi pendidikan memudahkan tenaga pengajar menjalankan sesi PdP bermula dari peringkat perancangan sehingga peringkat penilaian (Amran & Yahya, 2020). Selain itu, fungsi utama pendidikan adalah untuk meningkatkan kebolehfahaman pelajar terhadap sesuatu konsep asas yang dipelajari melalui kaedah pembelajaran secara interaktif di abad ke 21 ini (Che In & Ahmad, 2019).

Terkesan dengan penularan wabak virus Corona-2019 (COVID-19) ketika ini, kaedah PdP yang sedia ada perlu dipelbagaikan tanpa sesi bersemuka dalam mengekang COVID-19 ini daripada menular. Ini disebabkan penularan wabak COVID-19 ini berlaku dengan sentuhan dan juga pernafasan antara manusia dan manusia (individu berjangkit dengan individu sihat) dan memerlukan tempoh pengasingan antara 2 hingga ke 14 hari bagi mengekang penularannya (Singhal, 2020). Wabak COVID-19 ini telah mula dikesan oleh pihak berkuasa di Bandar Wuhan yang berada di wilayah Hubei, China sejak Disember 2019 setelah terdapatnya kluster pneumonia (Chinazzi et al., 2020). Penularan COVID-19 ini telah dikategorikan sebagai pandemik kerana penularan dan kebolehjangkitan sama seperti sindrom pernafasan SARs yang merentasi ke seluruh dunia (Riou & Althaus, 2020).

Oleh yang demikian, dalam mengekang penularan wabak COVID-19 ini di Malaysia, kerajaan telah menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 yang mana semua aktiviti telah dihentikan dan rakyat dikehendaki sentiasa kekal berada di dalam rumah dengan mengehadkan pergerakan. Bagi sistem pendidikan pula, kementerian telah mengesyorkan sesi PdP dijalankan secara atas talian bagi subjek yang tidak melibatkan praktikal dan amali. Walau bagaimanapun, aspek kesediaan dan motivasi para pelajar untuk mengikuti kelas secara atas talian perlu diambil kira sebelum ianya dilaksanakan. Kajian ini dijalankan bagi mengetahui kesediaan dan juga motivasi para pelajar di kolej komuniti yang berada di Negeri Perak untuk mengikuti kelas secara atas talian berdasarkan kaedah dan juga kajian terdahulu sebagai rujukan. Antaranya, kajian berkenaan faktor dan persepsi yang mempengaruhi penggunaan teknologi dalam pendidikan di kalangan pensyarah kolej komuniti sendiri (Amran & Yahya, 2020). Sebelum melakukan kaji selidik terhadap pelajar, dapatan daripada

kalangan tenaga pengajar juga perlu kerana pensyarah akan memainkan peranan yang penting dalam menjayakan kelas secara atas talian.

Pelbagai kaedah yang digunakan dalam menjayakan kelas secara atas talian seperti Aplikasi Kahoot (Che In & Ahmad, 2019), *mobile learning* (Shuib, Yaakob & Sarkowi, 2018), dan MOOC (Daud, Zulkifli, Abd Rahman & Khalid, 2017). Walaupun terdapat pelbagai aplikasi dan kaedah yang digunakan untuk menjalankan kelas atas talian, namun kesan pembelajaran terhadap pengetahuan dan tingkah laku pelajar juga perlu dilihat (Harun, 2014).

1.2 Penyataan masalah

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan Malaysia bermula 18 Mac 2020 terhadap seluruh rakyat Malaysia telah menyebabkan penutupan institusi pendidikan di negara ini dan memberikan kesan yang besar terhadap keseluruhan operasi sistem pendidikan yang membawa kepada pendidikan norma baharu. Kolej komuniti sebagai sebuah institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (PLTV) di Malaysia turut terkesan dengan situasi ini dan memaksa pihak kolej komuniti untuk menjalankan norma baru pendidikan dalam tempoh pandemik COVID-19. Antara norma baru adalah pensyarah terpaksa mengubah kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) kepada menggunakan teknologi sedia ada seperti internet untuk berkomunikasi dan menyambung aktiviti PdP. Jika sebelum ini, aktiviti PdP dijalankan secara bersemuka tetapi sebagai norma baru aktiviti PdP 100% bergantung kepada teknologi bagi memastikan para pelajar tidak ketinggalan dalam pendidikan.

Masalah timbul apabila keperluan jalur lebar yang besar untuk beroperasi diperlukan untuk menggunakan aplikasi pendidikan bagi tujuan menjalankan aktiviti pembelajaran atas talian. Teknologi dan sistem bersifat '*synchronous*' seperti persidangan video atau '*asynchronous*' seperti rakaman video memerlukan kadar pemindahan bit data tinggi (Bharian, 2020). Jalur lebar yang stabil dan pantas diperlukan dalam proses paparan dan muat turun dokumen PdP bagi memastikan kesemua data sesebuah dokumen berjaya dipindahkan. Pelajar akan mengalami gangguan dalam proses pembelajaran apabila berada di kawasan yang capaian internet lemah. Selain peka dengan keupayaan dan infrastruktur serta infrastruktur bagi melancarkan aktiviti PdP atas talian, kesediaan pelajar juga perlu diambil kira dalam usaha kita mendigitalkan pendidikan.

Menurut (Chokleinsukchai, 2005), pelajar-pelajar yang kurang kemahiran teknologi menyebabkan mereka mempunyai sifat negatif terhadap e-pembelajaran iaitu mereka merasakan pelajaran yang diikuti tidak menarik. E-pembelajaran yang dilaksanakan secara seratus peratus juga menyebabkan pelajar kurang kemahiran dan merasakan keseorangan dalam proses PdP (Tayebinik & Puteh, 2012). Terdapat persoalan kritikal tentang bagaimana memotivasikan pelajar untuk sepenuhnya diserap dalam proses pembelajaran atas talian.

Sehubungan itu, adalah perlu kajian dijalankan untuk memahami kesediaan dan motivasi pelajar kolej komuniti dari pelbagai bidang terhadap pembelajaran atas talian untuk menghadapi norma baru sewaktu pandemik COVID-19. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesediaan pelajar kolej

komuniti terhadap pembelajaran atas talian dan membandingkan persepsi mereka terhadap kesediaan pelajar dalam pembelajaran atas talian berdasarkan program pengajian. Selain itu, kajian ini juga dilaksanakan untuk mengkaji hubungan antara kesediaan dan motivasi pelajar kolej komuniti terhadap pembelajaran atas talian.

1.3 Objektif kajian

- a. Mengenal pasti tahap kesediaan pelajar kolej komuniti mengikuti pembelajaran secara atas talian berdasarkan program pengajian.
- b. Mengenal pasti tahap motivasi pelajar kolej komuniti mengikuti pembelajaran secara atas talian berdasarkan program pengajian.
- c. Mengenalpasti perbezaan kesediaan pelajar mengikuti pembelajaran atas talian berdasarkan program pengajian.
- d. Mengenalpasti perbezaan motivasi pelajar mengikuti pembelajaran atas talian berdasarkan program pengajian.
- e. Mengenalpasti hubungan antara tahap kesediaan dengan motivasi belajar dalam kalangan pelajar kolej komuniti mengikuti pembelajaran secara atas talian.

2.0 Metodologi

Rekabentuk kajian ini ialah kajian tinjauan. Dalam kajian ini pengkaji mengenalpasti persepsi pelajar kolej komuniti terhadap kesediaan dan motivasi mereka mengikuti pembelajaran secara atas talian sewaktu Pendemik Covid19. Populasi kajian terdiri daripada pelajar semester satu, dua dan tiga kolej komuniti dalam negeri Perak iaitu seramai 1161 orang. Berdasarkan Jadual (Krejcie & Morgan, 1970) saiz sampel kajian ditetapkan sejumlah 292 pelajar. Kaedah persampelan rawak digunakan untuk pemilihan sampel kajian.

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian untuk diedarkan kepada responden. Soal selidik mengandungi tiga bahagian iaitu Bahagian A maklumat demografi responden, Bahagian B mengukur kesediaan pelajar dan Bahagian C mengukur motivasi pelajar. Pengukuran kesediaan pelajar menggunakan soal selidik oleh (Osman & Hamzah, 2016) yang telah diubahsuai oleh pengkaji. Manakala pengukuran motivasi pelajar pula diukur melalui soal selidik yang dibina oleh pengkaji seterusnya dinilai terlebih dahulu dari segi kesahan pakar sebelum diedarkan kepada responden. Kesemua item soal selidik di Bahagian B dan C menggunakan Skala Likert 5 bagi mengukur maklumat persetujuan responden. Soal selidik diedarkan kepada responden melalui aplikasi *Google Form*.

Kajian rintis dilakukan untuk mengetahui kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian. Sebanyak 30 pelajar dari kolej komuniti dipilih dan dijadikan responden kajian rintis untuk menentukan kebolehpercayaan instrumen dan kemudian dikeluarkan dari senarai kolej komuniti yang digunakan dalam kajian sebenar. Hasil Ujian *Cronbach's Alpha* menunjukkan semua pemboleh ubah yang dikaji dalam instrumen kajian mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi berdasarkan rasional pekali *alpha Cronbach* yang dikemukakan oleh (George & Mallery, 2003) iaitu kesediaan pelajar ($\alpha = 0.80$) dan motivasi pelajar ($\alpha = 0.85$).

Data kajian dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi melalui perisian *IBM SPSS* versi 20. Analisis skor min diperolehi bagi mengukur tahap kesediaan dan motivasi pelajar mengikuti pembelajaran secara atas talian. Interpretasi tahap skor min bagi setiap pemboleh ubah adalah seperti Jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi tahap skor min

Skor min	Interpretasi skor min
1.00 – 1.79	Sangat Rendah
1.80 – 2.59	Rendah
2.60 – 3.39	Sederhana
3.40 – 4.19	Tinggi
4.20 – 5.00	Sangat Tinggi

Manakala analisis anova satu hala digunakan bagi mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan kesediaan dan motivasi pelajar mengikuti pembelajaran secara atas talian berdasarkan program pengajian. Analisis korelasi Pearson pula digunakan untuk menentukan hubungan antara pemboleh ubah kajian. Bagi menjelaskan kekuatan perhubungan antara pemboleh ubah, pengkaji menggunakan indeks pekali korelasi yang dikemukakan oleh (Cohen, 1988) seperti Jadual 2.

Jadual 2: Indeks pekali (r) dan kekuatan korelasi

Julat (+ / -)	kekuatan korelasi
0.50 – 1.00	Kuat
0.30 – 0.49	Sederhana
0.10 – 0.29	Lemah
0.00	Tiada Hubungan

3.0 Dapatan kajian

3.1 Demografi responden

Jadual 3 menunjukkan taburan responden mengikut jantina. Dapatan menunjukkan, seramai 151 orang responden adalah terdiri dalam kalangan pelajar lelaki manakala 141 orang responden adalah terdiri dalam kalangan pelajar perempuan. Responden lelaki melebihi 3.4% daripada responden perempuan.

Jadual 3: Taburan responden berdasarkan jantina

Pemboleh ubah	Kategori	Kekerapan (f)	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	151	51.7
	Perempuan	141	48.3
	Jumlah	292	100.0

Jadual 4 menunjukkan taburan responden berdasarkan program pengajian. Kategori responden yang paling ramai terdiri daripada pelajar dari Program Sijil Penyenggaraan Motosikal Berkuasa Tinggi dan Sijil Servis

Kenderaan Ringan iaitu 30 orang (10.3%). Manakala kategori yang paling sedikit ialah pelajar dari Program Sijil Penyeliaan Tapak Bina, Sijil Kulinari dan Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan iaitu masing-masing seramai 20 Orang (6.8%). Selebihnya adalah pelajar dari program Sijil Sistem Komputer dan Rangkaian dan Sijil Fesyen dan Pakaian iaitu Seramai 25 orang (9.9%), diikuti Sijil Teknologi Maklumat seramai 26 orang (8.9%), Sijil Teknologi Senibina seramai 23 orang (7.9%), Sijil Pengendalian Acara seramai 22 orang (7.5%) dan Sijil Seni Visual Kreatif seramai 21 orang (7.2%).

Jadual 4: Taburan responden berdasarkan program

Pemboleh ubah	Kategori	Kekerapan (f)	Peratusan (%)
Program	Sijil Penyenggaraan Motosikal Berkuasa Tinggi	30	10.3
	Sijil Servis Kenderaan Ringan	30	10.3
	Sijil Sistem Komputer dan Rangkaian	29	9.9
	Sijil Fesyen dan Pakaian	29	9.9
	Sijil Teknologi Maklumat	26	8.9
	Sijil Teknologi Senibina	23	7.9
	Sijil Pengendalian Acara	22	7.5
	Sijil Seni Visual Kreatif	21	7.2
	Sijil Penyeliaan Tapak Bina	20	6.8
	Sijil Kulinari	20	6.8
	Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan	20	6.8
	Sijil Animasi 3D	22	7.5
Jumlah		292	100.0

Seterusnya Jadual 5 menunjukkan taburan responden mengikut semester pengajian. Dapatan menunjukkan responden tertinggi terdiri daripada pelajar semester 2 iaitu seramai 186 orang (63.7%). Kedua tertinggi responden adalah dalam kalangan pelajar semester 3 seramai 84 orang (28.8%). Akhirnya, seramai 22 orang (7.5%) responden adalah dalam kalangan pelajar semester 1

Jadual 5: Taburan responden berdasarkan semester pengajian

Pemboleh ubah	Kategori	Kekerapan (f)	Peratusan (%)
Semester Pengajian	Semester 1	22	7.5
	Semester 2	186	63.7
	Semester 3	84	28.8
	Jumlah	292	100.0

3.2 Tahap kesediaan pelajar mengikuti pembelajaran secara atas talian berdasarkan program

Jadual 6, menunjukkan persepsi pelajar terhadap tahap kesediaan mereka mengikuti pembelajaran secara atas talian berdasarkan program kajian. Kesediaan pelajar daripada Program Sijil Teknologi Maklumat mencatatkan skor min paling tinggi iaitu ($M = 3.59$, $SP = .69$). Ini menunjukkan tahap kesediaan pelajar Program Sijil Teknologi Maklumat mengikuti pembelajaran secara atas talian adalah pada tahap tinggi. Manakala terdapat dua program yang mencatatkan skor min terendah iaitu program Sijil Penyeliaan Tapak Bina ($M = 2.46$, $SP = .97$) dan Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan ($M = 2.35$, $SP = .72$). Ini menunjukkan tahap kesediaan pelajar Sijil Penyeliaan Tapak Bina dan Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan mengikuti pembelajaran secara atas talian adalah pada tahap rendah. Selebihnya, lebih daripada separuh program iaitu sebanyak 10 program mencatatkan nilai skor min yang sederhana dan menunjukkan tahap kesediaan pelajar mereka mengikuti pembelajaran secara atas talian berada pada tahap sederhana. Secara keseluruhannya, tahap kesediaan pelajar mengikuti pembelajaran secara atas talian adalah pada tahap sederhana.

Jadual 6: Taburan Tahap Kesediaan Pelajar Mengikuti Pembelajaran Secara Atas Talian Berdasarkan Program Pengajian

Program	Bilangan	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
Sijil Teknologi Maklumat	26	3.59	.69	Tinggi
Sijil Sistem Komputer dan Rangkaian	29	3.34	.83	Sederhana
Sijil Seni Visual Kreatif	21	3.39	.78	Sederhana
Sijil Penyenggaraan Motosikal Berkuasa Tinggi	30	2.86	.72	Sederhana
Sijil Fesyen dan Pakaian	29	2.96	.87	Sederhana
Sijil Teknologi Senibina	23	2.97	.61	Sederhana
Sijil Animasi 3D	22	2.76	.87	Sederhana
Sijil Kulinari	20	2.79	.93	Sederhana
Sijil Servis Kenderaan Ringan	30	2.91	1.06	Sederhana
Sijil Pengendalian Acara	22	2.67	.84	Sederhana
Sijil Penyeliaan Tapak Bina	20	2.46	.97	Rendah
Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan	20	2.35	.72	Rendah
Keseluruhan	292	2.94	.89	Sederhana

3.3 Tahap motivasi pelajar mengikuti pembelajaran secara atas talian berdasarkan program

Jadual 7, menunjukkan persepsi pelajar terhadap tahap motivasi mereka mengikuti pembelajaran secara atas talian berdasarkan program kajian. Motivasi pelajar daripada Program Sijil Teknologi Maklumat mencatatkan skor min paling tinggi iaitu ($M = 3.56$, $SP = 1.07$). Ini

menunjukkan tahap motivasi pelajar Program Sijil Teknologi Maklumat mengikuti pembelajaran secara atas talian adalah pada tahap tinggi. Manakala terdapat lima program yang mencatatkan skor min yang rendah iaitu program Sijil Animasi 3D (M = 2.53, SP = 1.08), Sijil Fesyen dan Pakaian (M = 2.52, SP = 1.14), Sijil Penyeliaan Tapak Bina (M = 2.33, SP = 1.06), Sijil Pengendalian Acara (M = 2.23, SP = .99) dan Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan (M = 2.19, SP = .97). Ini menunjukkan tahap motivasi pelajar kelima-lima program ini dalam mengikuti pembelajaran secara atas talian adalah pada tahap rendah. Selebihnya, separuh daripada program pengajian iaitu sebanyak 6 program mencatatkan nilai skor min yang sederhana dan menunjukkan tahap motivasi pelajar mereka bagi kelapan-lapan program tersebut mengikuti pembelajaran secara atas talian berada pada tahap sederhana. Secara keseluruhannya, tahap motivasi pelajar mengikuti pembelajaran secara atas talian adalah pada tahap sederhana (M = 2.76, SP = 1.09).

Jadual 7: Taburan tahap motivasi pelajar mengikuti pembelajaran secara atas talian berdasarkan program pengajian

Program	Bilangan	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
Sijil Teknologi Maklumat	26	3.56	1.07	Tinggi
Sijil Sistem Komputer dan Rangkaian	29	3.21	1.00	Sederhana
Sijil Seni Visual Kreatif	21	3.15	.74	Sederhana
Sijil Penyenggaraan Motosikal Berkuasa Tinggi	30	2.69	.87	Sederhana
Sijil Teknologi Senibina	23	2.86	.93	Sederhana
Sijil Kulinari	20	2.63	1.29	Sederhana
Sijil Servis Kenderaan Ringan	30	2.85	1.13	Sederhana
Sijil Animasi 3D	22	2.53	1.08	Rendah
Sijil Fesyen dan Pakaian	29	2.52	1.14	Rendah
Sijil Penyeliaan Tapak Bina	20	2.33	1.06	Rendah
Sijil Pengendalian Acara	22	2.23	.99	Rendah
Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan	20	2.19	.97	Rendah
Keseluruhan	292	2.76	1.09	Sederhana

3.4 Perbezaan kesediaan pelajar mengikut pembelajaran atas talian berdasarkan program pembelajaran

Jadual 8 menunjukkan hasil ujian Anova sehalu yang dijalankan untuk mengetahui samaada terdapat perbezaan skor min kesediaan pelajar mengikuti pembelajaran secara atas talian sewaktu Pendemik Covid19 berdasarkan program pengajian. Dapatan analisis menunjukkan nilai $F(11,280 = 4.538)$ dan $p= 0.001$. Keputusan analisis ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan kesediaan pelajar mengikuti pembelajaran secara atas talian berdasarkan program.

Jadual 8: Ujian anova kesediaan pelajar mengikuti pembelajaran atas talian berdasarkan program pembelajaran

Kesediaan pelajar	Jumlah kuasa dua	Darjah kebebasan	Min kuasa dua	Nilai F	Signifikan
Antara kumpulan	34.586	11	3.144	4.538	.001
Dalam kumpulan	194.013	280	.693		
Jumlah	228.599	291			

3.5 Perbezaan motivasi pelajar mengikut pembelajaran atas talian berdasarkan program pembelajaran

Jadual 9 menunjukkan hasil ujian Anova sehalu yang dijalankan untuk mengetahui sama ada terdapat perbezaan skor min motivasi pelajar mengikuti pembelajaran secara atas talian sewaktu Pendemik Covid19 berdasarkan program pengajian. Dapatan analisis menunjukkan nilai $F(11,280 = 3.946)$ dan $p = 0.001$. Keputusan analisis ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan motivasi pelajar mengikuti pembelajaran secara atas talian berdasarkan program.

Jadual 9: Ujian anova motivasi pelajar mengikuti pembelajaran atas talian berdasarkan program pembelajaran

Kesediaan pelajar	Jumlah kuasa dua	Darjah kebebasan	Min kuasa dua	Nilai F	Signifikan
Antara kumpulan	46.131	11	4.194	3.946	.001
Dalam kumpulan	297.569	280	1.063		
Jumlah	343.700	291			

3.6 Hubungan antara kesediaan pelajar dan motivasi pelajar mengikuti pembelajaran secara atas talian

Jadual 10 menunjukkan terdapat hubungan yang positif dan kuat antara kesediaan pelajar dengan motivasi pelajar mengikuti pembelajaran secara atas talian ($r = .873^{**}$, $p < .05$). Hubungan signifikan yang positif dan kuat menggambarkan motivasi pelajar mengikut pembelajaran secara atas talian cenderung meningkat apabila kesediaan mereka juga meningkat (Salim & Mohamad Yatim, 2017) & (Mohd Najib, Abu Bakar, & Othman, 2017).

Jadual 10: Ujian korelasi pearson bagi min kesediaan dan motivasi pelajar mengikuti pembelajaran secara atas talian

Pemboleh Ubah	Motivasi Pelajar	Kekuatan Hubungan
Kesediaan Pelajar	.873**	Kuat

4.0 Perbincangan

Berdasarkan persepsi pelajar kolej komuniti dalam negeri Perak, dapatan kajian secara keseluruhannya menunjukkan bahawa pelajar kurang bersedia untuk mengikuti pembelajaran secara atas talian sewaktu Pendemik Covid19. Walau bagaimanapun, penemuan terperinci menunjukkan hanya pelajar dari Program Sijil Teknologi Maklumat sahaja yang bersedia untuk mengikuti pembelajaran secara atas talian sewaktu Pendemik Covid19. Manakala pelajar dari Program Sijil Penyeliaan Tapak Bina dan Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan pula tidak bersedia untuk mengikuti pembelajaran secara atas talian. Berbeza dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh (Ahmad & Norbaizura, 2010) ke atas pelajar fakulti pendidikan dan fakulti kejuruteraan mekanikal di Universiti Teknologi Malaysia Skudai bahawa tahap kesediaan pelajar melaksanakan e-pembelajaran adalah tinggi. Begitu juga dengan kajian yang dijalankan oleh Ngampornchai dan Adams (2016) menunjukkan bahawa penerimaan pelajar sarjana di universiti awam timur laut Thailand terhadap e-pembelajaran hanya sedikit lebih tinggi daripada neutral, yang bermaksud bahawa pelajar Thailand cenderung menerima e-pembelajaran secara berhemah. Penjelasan dapatan kajian yang menunjukkan pelajar Program Sijil Teknologi Maklumat sahaja yang bersedia untuk mengikuti pembelajaran secara atas talian sewaktu Pandemik COVID-19 mungkin disebabkan oleh kemahiran mereka untuk akses komputer dan internet lebih baik berbanding pelajar dari bidang lain kerana mereka dalam bidang yang seiring dengan teknologi maklumat dan digital. Disokong dengan kajian e-pembelajaran sebelum ini menunjukkan bahawa elemen utama kejayaan dalam e-pembelajaran adalah seperti berikut: akses ke komputer dan Internet, kemahiran mencari, klasifikasi dan analisis data, penggunaan alat yang berkesan, keakraban dengan kaedah komunikasi, kemahiran merancang dan kaedah pembelajaran (Rhode, 2004; Pallof & Pratt, 2003; Watkins, Leigh, & Triner, 2004; Seraji, 2010).

Persepsi pelajar terhadap motivasi mereka mengikuti pembelajaran secara atas talian pula secara keseluruhannya menunjukkan bahawa pelajar kurang bermotivasi. Hanya pelajar dari Program Sijil Teknologi Maklumat sahaja yang mempunyai motivasi tinggi untuk mengikuti pembelajaran secara atas talian. Manakala bagi pelajar dari Program Sijil Penyeliaan Tapak Bina, Sijil Pengendalian Acara dan Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan tidak bermotivasi untuk mengikuti pembelajaran secara atas talian sewaktu Pendemik Covid19. Hasilnya selaras dengan Rosenberg (2009) yang menerangkan motivasi adalah kunci ramuan dalam pembelajaran dalam talian dan penting agar pelajar bermotivasi tinggi dan mempunyai sikap positif semasa mengikuti kursus dalam talian.

Ujian ANOVA sehalu telah dijalankan untuk mengetahui samaada wujud perbezaan yang signifikan kesedaran dan motivasi pelajar berdasarkan program. Keputusan ujian menunjukkan perbezaan program pelajar mempengaruhi kesediaan dan motivasi pelajar mengikuti pembelajaran secara atas talian. Pelajar-pelajar yang mengikuti program pengkhususan lebih dalam bidang teknologi maklumat dan komputer lebih cenderung bersedia dan bermotivasi untuk mengikuti pembelajaran secara

atas talian berbanding pelajar dari bidang teknikal dan sains sosial. Akhir sekali, dapatan kajian ini juga menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara kesediaan dengan motivasi pelajar mengikuti pembelajaran secara atas talian. Ini menggambarkan bahawa pelajar yang bersedia mengikuti pembelajaran secara atas talian akan cenderung mempengaruhi dan meningkatkan motivasi mereka.

5.0 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pelajar kolej komuniti dalam negeri Perak kurang bersedia dan bermotivasi untuk mengikuti pembelajaran secara atas talian walaupun pengintegrasian pembelajaran secara atas talian ini mempunyai potensi besar dalam bidang pendidikan. Hanya pelajar Program Sijil Teknologi Maklumat sahaja yang bersedia dan bermotivasi untuk mengikuti pembelajaran secara atas talian. Berdasarkan dapatan kajian ini, pihak institusi dan pensyarah perlu melaksanakan usaha berterusan bagi menggalakkan lagi para pelajar menggunakan pembelajaran secara atas talian. Seperti mana yang dipersetujui oleh penyokong e-pembelajaran yang menganggap bahawa semua orang harus disiapkan dengan pengetahuan asas tentang teknologi dan menggunakannya sebagai kaedah untuk mendapatkan tujuan pendidikan (E-learning, 2013). Mengaplikasikan e-pembelajaran sebagai alat dalam pendidikan memerlukan perhatian, Sokolová (2011) menyatakan bahawa perkara berikut harus dipertimbangkan dengan berhati-hati sebelum menggunakan e-pembelajaran dalam pengajaran. Para pelajar perlu diberikan latihan dan pendedahan yang secukupnya terutama dari aspek teknikal, pengetahuan dan kemahiran bagi memastikan matlamat pembelajaran secara atas talian ini tercapai terutamanya dalam kalangan pelajar yang bukan dari bidang teknologi maklumat dan komputer. Sekiranya pelajar lebih bermotivasi untuk belajar, maka mereka lebih cenderung untuk terlibat dan jika mereka berjaya mereka lebih cenderung untuk mencapai objektif pembelajaran (Kim & W. Frick, 2011). Oleh yang demikian, pelajar yang bermotivasi akan mewujudkan suasana yang menarik dan berkesan untuk menggunakan pembelajaran secara atas talian sebagai kaedah pembelajaran yang menarik di kolej komuniti. Penting untuk pelajar merasa selesa dengan proses dan teknologi pembelajaran secara atas talian sebagai kesediaan pelajar yang menjadi faktor utama penentu kejayaan program. Pengajar perlu mencari kaedah yang berkesan untuk meningkatkan pembelajaran secara atas talian dalam kalangan pelajar. Arahan yang dibangunkan bukan sahaja dapat dilaksanakan secara teknologi tetapi juga berkesan dari segi kesediaan dan motivasi pelajar.

6.0 Rujukan

- Ahmad, J. S., & Norbaizura, S. (2010). *Perlaksanaan e-pembelajaran dikalangan pelajar Fakulti Pendidikan dan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Universiti Teknologi Malaysia, Skudai*. Retrived from <https://www.researchgate.net/publication/49910576>.
- Amran, M., & Yahya, M. Z. (2020). Faktor dan persepsi yang mempengaruhi penggunaan teknologi dalam pendidikan dikalangan Pensyarah Kolej Komuniti. *International Journal of Technology Management and Information System*, 2(1), 72-80.
- Che In, F., & Ahmad, A. Z. (2019). Kajian keberkesanan pembelajaran interaktif berasaskan Aplikasi Kahoot: satu kajian tindakan terhadap kursus principle of marketing. *Online Journal for TVET Practitioners*, 4(1), 1-11.
- Chinazzi, M., Davis, J. T., Ajelli, M., Gioannini, C., Litvinova, M., Merler, S., . . . Sun, K. (2020). The effect of travel restrictions on the spread of the 2019 novel coronavirus (COVID-19) outbreak. *Journal Science*, 368(6489), 395-400.
- Chokleinsukchai, K. (2005). *A Feasibility study of using e-learning for post-graduate studies*. Retrived from <http://department.utcc.ac.th/research/dbresearch/2009-03-30-08-48-26/99-6/324-research4606001.html>.
- Cohen, J. (1988). *Statistical power and analysis for the behavioral sciences (2nd ed.)*. Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Daud, M. Y., Zulkifli, F. N., Abd Rahman, M. J., & Khalid, F. (2017). Kesediaan pelajar siswazah menggunakan MOOC dalam pengajaran dan pembelajaran. *In Seminar Serantau 2017*. Bangi, Malaysia.
- George, D., & Mallery, P. (2003). *SPSS for Windows step by step: A simple guide and reference*. Retrived from <com/wps/media/objects/385.549>.
- Harun, A. H. (2014). *Kesan pembelajaran berasaskan projek secara atas talian ke atas sikap, pengetahuan dan tingkah laku pelajar terhadap tenaga diperbaharui*. Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). *Determining sample size for research activities*. Duluth: University of Minnesota.
- Mohd Najib, H., Abu Bakar, N. R., & Othman, N. (2017). E-Pembelajaran dalam kalangan pelajar di sebuah institusi pengajian tinggi Selangor. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 1(1), 74-82.

- Osman, N., & Hamzah, M. I. (2016). Hubungan kesediaan pelajar mengikuti pembelajaran berasaskan blended learning berdasarkan jantina dan program. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 4(2), 1-9.
- Riou, J., & Althaus, C. L. (2020). *Pattern of early human-to-human transmission of Wuhan 2019 novel coronavirus (2019-nCoV)*, 2019 to *Eurosurveillance*, 25(4).
- Salim, N., & Mohamad Yatim, N. (2017). M-Pembelajaran: Kesediaan pelajar KKBBM terhadap era baru medium pembelajaran. *In National Innovation and Invention Competition Through Exhibition (iCompEx'17)* Kedah, Malaysia .
- Shuib, A. S., Yaakob, M. N., & Sarkowi, A. (2018). Pengaruh pengalaman teknologi, peluang dan kesediaan terhadap penggunaan Mobile Learning di Institut Pendidikan Guru Zon Utara. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 14, 143-166.
- Singhal, T. (2020). A review of coronavirus disease-2019 (COVID-19). *The Indian Journal of Pediatrics*, 1-6.
- Tayebnik, M., & Puteh, M. (2012). Blended learning or E-learning? . *International Magazine on Advances in Computer Science and Telecommunications*, 3(1), 103-110.